



**PENUTUPAN SEMENTARA MASJID, SURAU, BALAI IBADAT DAN PEMBUKAAN
TEMPAT AWAM LAINNYA: ANALISIS MAQASID SYARIAH DALAM FATWA
DAN IRSYAD HUKUM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**[TEMPORARY CLOSURE OF MOSQUES, SURAUS, PRAYER HALLS AND THE
OPENING OF OTHER PUBLIC PLACES: ANALYSIS OF MAQASID SHARIAH
IN THE FATWA AND IRSHAD HUKUM OF BRUNEI DARUSSALAM]**

SUPRI SUDIN¹
HAFINI MAHMUD^{1*}

¹Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA),
Negara Brunei Darussalam

*Corresponding author: hafini.mahmud@unissa.edu.bn

Received Date: 2 June 2022 • Accepted Date: 30 August 2022

Abstrak

Negara Brunei Darussalam adalah antara negara Islam yang mengarahkan masjid-masjid, surau-sarau dan balai ibadat ditutup sementara apabila kes jangkitan pertama tempatan Covid-19 dilaporkan di negara tersebut pada 3 Mac 2020. Pada 7 Ogos 2021, setelah 457 hari bebas dari kes jangkitan tempatan, Brunei Darussalam ditimpa gelombang kedua covid-19 apabila 5 kes jangkitan tempatan dilaporkan. Oleh sebab itu, kerajaan Negara Brunei Darussalam mengambil keputusan untuk sekali lagi menutup sementara masjid-masjid dan seumpamanya. Dalam tempoh penutupan tersebut, terdapat persoalan di kalangan masyarakat mengapa masjid dan seumpamanya ditutup sedangkan tempat-tempat awam lain seperti kedai dan sebagainya dibuka. Sehubungan itu, objektif pertama kajian ini ialah, menghuraikan adakah terdapat percanggahan dalam penutupan masjid, surau, balai ibadat dan pembukaan tempat-tempat awam lain di Negara Brunei Darussalam dengan Maqasid Syariah. Kedua, menganalisis kewujudan Maqasid Syariah dalam Fatwa Mufti Kerajaan dan Irsyad Hukum Jabatan Mufti Kerajaan Brunei Darussalam yang berkaitan dengan permasalahan tersebut. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metodologi kepustakaan dalam mengumpulkan maklumat daripada buku, jurnal dan sebagainya. Seterusnya analisis kandungan Fatwa Mufti Kerajaan dan Irsyad Hukum dijalankan bagi mengeluarkan dapatan kajian. Antara dapatan kajian ini ialah: Melalui analisis tersebut, tidak ada percanggahan dalam penutupan masjid, surau, balai ibadat dan pembukaan tempat-tempat awam di Negara Brunei Darussalam dengan Maqasid Syariah.

Kata kunci: Penutupan Masjid, Percanggahan, Tempat-tempat awam, Maqasid Syariah, Fatwa, Irsyad Hukum

Abstract

Brunei Darussalam is one of the Muslim countries which ordered mosques, suraus and prayer halls to be temporarily closed when the first local cases of Covid-19 was reported on 3rd March 2020. After four hundred and fifty-seven (457) days without any local cases of COVID-19, on 7 August 2021 Brunei Darussalam was hit by a second wave of Covid-19 when five (5) local cases were recorded. Once more, the government ordered the temporary closure of mosques and other similar places. Within the temporary closure, an issue was raised from the public, why mosques are closed while other public places such as shops are opened. As a result, the primary objective of this study is to find whether the temporary closure of mosques, suraus, prayer halls and the opening of other public places contradicts the objectives of the Shariah (Maqasid Shariah). The second objective is to analyze Maqasid Shariah in the Fatwa of the State Mufti and Irshad Hukum of Brunei Darussalam relating to the issue. This study is a qualitative research which relies on library research by collecting data and information from books, journals and other references. Content analysis of the State Mufti's Fatwa and Irshad Hukum is made to get the findings of the research. The results of this study can be concluded that the State Mufti's Fatwa and Irshad Hukum relating to the temporary closure of mosques and the opening of other public places does not contradict Maqasid Shariah.

Keywords: Closure of mosques, Contradict, Public places, Maqasid Shariah, Fatwa, Irshad Hukum

Cite as: Supri Sudin & Hafini Mahmud. 2022. Penutupan Sementara Masjid, Surau, Balai Ibadat dan Pembukaan Tempat Awam Lainnya: Analisis Maqasid Syariah dalam Fatwa dan Irshad Hukum Negara Brunei Darussalam [Temporary Closure of Mosques, Suraus, Prayer Halls and the Opening of other Public Places: Analysis of Maqasid Shariah in the Fatwa and Irshad Hukum of Brunei Darussalam]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(2): 25-38.

PENGENALAN

Seperti negara-negara dunia yang lain, Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali daripada dilanda penularan wabak COVID-19 yang mula mencatatkan kes pertamanya pada 9 Mac 2020 yang merupakan gelombang pertama. Sehubungan itu, telah banyak memberi impak kepada masyarakat umumnya di samping memberi kerisauan terhadap keselamatan orang awam. Sebagai langkah mencegah penularan wabak tersebut, kerajaan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan dan pihak-pihak yang terlibat, giat mengatur langkah bagi membendung jangkitan tersebut dengan mengawal dan menghadkan perjalanan orang awam dengan memberi peraturan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi premis-premis kedai termasuk kedai makan (restoran) dan penutupan sekolah-sekolah, kompleks sukan.

Penutupan ini juga tidak terkecuali masjid-masjid dan balai ibadat di seluruh negara, iaitu pada 16hb Mac 2020, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Negara Brunei Darussalam melalui Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) telah bersidang bagi membincangkan Fatwa Mufti Kerajaan Nombor 02/2020 di dalam mengawal penularan wabak COVID-19. Dengan mengambil kira nasihat Kementerian Kesihatan dan pandangan Hukum Syara'

berdasarkan fatwa tersebut, Majlis telah mengambil keputusan untuk menutup sementara seluruh masjid, surau dan balai ibadat di negara ini. Dalam tempoh penutupan itu semua solat berjemaah dan lain-lain kegiatan takmir termasuk Solat Fardu adalah ditiadakan. Hanya azan yang akan terus dilaungkan oleh pegawai-pegawai masjid yang bertugas. (Kementerian Hal Ehwal Ugama, 2020). Pada 29 Mei 2020, masjid-masjid di Negara Brunei Darussalam dibuka semula bagi menunaikan solat fardu Jumaat sahaja. Kemudian setelah wabak ini benar-benar terkawal barulah dibuka untuk menunaikan solat fardu lima waktu berjemaah dengan mengikut SOP yang ketat.

Walaubagaimanapun pada 7 Ogos 2021 COVID-19, setelah 457 hari tanpa kes jangkitan tempatan, sekali lagi Negara Brunei Darussalam dikejutkan dengan jangkitan tempatan yang mana kali ini lebih merbahaya iaitu dengan adanya jangkitan varian Delta yang lebih cepat berjangkit dari yang biasa. Berpandukan SOP yang sebelum ini, negara sekali lagi telah menutup masjid-masjid, surau dan balai-bali ibadat sehingga tarikh 19 November 2021 setelah program vaksinasi negara mencapai 70 peratus rakyat di negara ini sempurna mendapat 2 dos vaksin lengkap sebagai langkah ke fasa peralihan menuju endemik (Kementerian Hal Ehwal Ugama, 2021).

Selama penutupan sementara masjid, surau dan balai ibadat di Negara Brunei Darussalam dilaksanakan, terdapat persoalan yang timbul dari kalangan masyarakat, iaitu mengapa masjid ditutup sedangkan tempat-tempat awam yang lain seperti kedai dibuka. Maka persoalan ini perlulah dilihat melalui perspektif Maqasid Syariah melalui Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Irsyad Hukum (Irsyad Hukum ialah ruangan di Akhbar Rasmi Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Pelita Brunei, dan kemudiannya dijadikan buku sebagai himpunan siri bimbingan hukum terbitan Jabatan Mufti Kerajaan) Jabatan Mufti Negara Brunei Darussalam.

FATWA MUFTI KERAJAAN DAN IRSYAD HUKUM BRUNEI DALAM PENUTUPAN SEMENTARA MASJID, SURAU DAN BALAI IBADAT

Penutupan masjid di Negara Brunei Darussalam pada gelombang pertama penularan COVID-19 adalah berdasarkan fatwa bilangan (02/2020). Fatwa tersebut tidak langsung memberikan hukum penutupan masjid, akan tetapi ia memberikan jawapan kepada beberapa isu berkenaan dengan penularan wabak Covid-19 di Negara Brunei Darussalam (Abdul Aziz, 2020) yang secara ringkas antaranya:

- i) Hukum mengadakan majlis-majlis keramaian di tempat-tempat awam seperti dewan-dewan, masjid dan lain-lain yang melibatkan majlis perkahwinan, pernikahan, acara-acara kebudayaan, hiburan dan lain-lain.
- ii) Kedudukan hukum solat Jumaat pada masa wabak COVID-19, adakah hukum fardu 'ain itu gugur?
- iii) Hukum mengadakan majlis-majlis kenegaraan seperti Majlis Sambutan Isra' Mi'raj dan lain-lain.
- iv) Apakah langkah-langkah terbaik yang dianjurkan oleh hukum syara' jika sekiranya majlis-majlis seumpama itu diteruskan juga untuk diadakan oleh penganjur?

Dalam menjawab isu (i), fatwa tersebut menyebutkan bahawa mengadakan majlis-majlis keramaian ketika berlakunya penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam adalah tertakluk kepada arahan dan nasihat pihak Pemerintah (Ulil Amri) yang dipanggil juga sebagai pihak berautoriti. Sekiranya pihak ini mengeluarkan larangan mengadakan sebarang majlis keramaian untuk mencegah penularan wabak tersebut, maka arahan itu wajib dipatuhi kerana mentaati perintah Ulil Amri. Seperti mana firman Allah Ta'ala:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ﴾ (سورة النساء: 59)

Tafsirnya: Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil-Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu (Surah Al-Nisaa': 59)

Bagi persoalan (ii), (iii) dan (iv), di antara jawapan fatwa tersebut secara ringkas ialah: Hukum mendirikan Solat Jumaat adalah wajib melainkan adanya keuzuran yang diiktiraf oleh syarak. Keuzuran pada Solat Jumaat itu adalah sama dengan keuzuran pada meninggalkan solat berjemaah di masjid. Antaranya ialah kerana sakit dan takut sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu 'Abbas Radhiallahu 'anhuma bahawasanya Rasulullah Shallallahu 'alaihi wassalam bersabda:

مَنْ سَمِعَ الْمُنَادِيَ فَلَمْ يَمْنَعْهُ مِنْ اتِّبَاعِهِ عُذْرٌ لَمْ تُقْبَلْ مِنْهُ الصَّلَاةُ الَّتِي صَلَّى قَالُوا: وَمَا الْعُذْرُ؟ قَالَ: خَوْفٌ أَوْ مَرَضٌ " (رواه البيهقي)

Maksudnya: Sesiapa yang mendengar suara orang yang menyerukan azan, sedangkan dia tidak mempunyai keuzuran yang menegahinya daripada memenuhinya (seruan azan untuk solat berjemaah), maka tidak ada solat baginya (solat yang diterima secara sempurna). Mereka berkata: Apakah keuzuran itu? Baginda bersabda "Takut atau sakit" (Hadis riwayat al-Baihaqi)

Berdasarkan hadis di atas, difahami bahawa takut dan sakit merupakan keuzuran yang menggugurkan tuntutan wajib mendirikan solat Jumaat. Maksud takut di sini ialah takut berlaku mudarat pada dirinya atau hartanya.

Fatwa tersebut juga menyebutkan bahawa jika pihak berkuasa mengeluarkan larangan mendirikan solat Jumaat disebabkan wabak COVID-19 sudah dinilai sebagai Pandemik yang merujuk kepada wabak mudah merebak dan mampu untuk menyebabkan kematian, maka larangan itu wajiblah dipatuhi.

Selain itu, fatwa tersebut menyebutkan bahawa sebagai langkah berjaga-jaga, adalah mustahak bagi negara dan orang ramai untuk mengambil kira beberapa perkara antaranya:

- (a) Bagi siapa yang dijangkiti atau disyaki dijangkiti virus COVID-19 tidak akan berada di tempat umum hatta pergi ke masjid untuk menunaikan solat Jumaat, berjemaah

termasuk solat Hari Raya, sebagai langkah mengelakkan kemudaratannya seperti yang ditekankan oleh kaedah fiqh, berbunyi

دَرْءُ الْمَفَاسِدِ أَوْلَى مِنْ جَلْبِ الْمَصَالِحِ

Ertinya: "Menolak (menghindari) kerosakan atau kemudaratannya itu lebih utama dari mendatangi/menghampiri kemaslahatan" (Al-Zarqa, 2009)

- (b) Majlis keramaian semasa seperti walimah perkahwinan atau bermusim, seperti sambutan dan perayaan Maulid ar-Rasul yang diadakan secara perkumpulan dan perarakan besar-besaran dan lain-lain, ditiadakan buat sementara sebagai langkah berjaga-jaga untuk pencegahan.
- (c) Hendaklah diambil kira pendekatan al-Quran, Surah al-Baqarah ayat 195, yang telah menggesa umat Islam supaya jangan mencampakkan diri ke dalam bahaya kebinasaan, dan arahan hadis-hadis Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam seperti hadis yang diriwayatkan oleh Sa'id ibn Abi Waqqash Radhiallahu 'anhu meriwayatkan bahawa:

إِذَا سَمِعْتُمْ بِالطَّاعُونَ بِأَرْضٍ فَلَا تَدْخُلُوهَا، وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا مِنْهَا (رواه البخاري)

Maksudnya: "Apabila kamu mendengar bahawa taun menimpa di bumi (sesuatu tempat) maka janganlah kamu memasukinya (ke tempat tersebut), dan apabila (taun) berlaju di bumi (suatu tempat) sedangkan kamu di sana maka janganlah kamu keluar daripadanya" (Hadis riwayat al-Bukhari)

Dalam hadis yang lain pula, Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu meriwayatkan bahawa Nabi Shallallahu 'alaihi Wasallam bersabda:

لَا عَدْوَى وَلَا طَيْرَةَ، وَلَا هَامَةَ وَلَا صَفَرَ، وَفَرَّ مِنَ الْمَجْدُومِ كَمَا تَفَرُّ مِنَ الْأَسَدِ (رواه البخاري)

Maksudnya: "Tiada penyakit yang berjangkit tanpa takdir Allah, tiada kepercayaan sial, tiada kepercayaan jahiliah yang mempercayai mayat bertukar menjadi burung dan tiada kepercayaan sial pada bulan Safar, (tetapi) hendaklah engkau lari daripada (bahaya) orang yang terkena penyakit kusta (boleh dikiaskan apa jua penyakit berjangkit) sebagaimana engkau lari daripada (bahaya) singa" (Hadis riwayat al-Bukhari)

Berdasarkan hadis-hadis ini, fatwa berpendapat bahawa wajib mengelakkan diri untuk sementara waktu dari keluar atau melancong ke tempat-tempat yang telah disahkan berlaku wabak COVID-19. Begitu juga wajib untuk sementara waktu melarang atau menegah mana-mana orang yang berasal dari tempat atau negeri yang telah disahkan berlaku wabak COVID-19 untuk memasuki negara lain.

Selain daripada Fatwa Mufti Kerajaan, Isryad Hukum juga ada menerangkan mengenai isu larangan Ulil-amri mengadakan solat berjemaah termasuk solat Jumaat di masjid. Antara hujah utama Isryad Hukum tersebut adalah sama seperti yang difatwakan oleh mufti kerajaan, iaitu wajib mentaati suruhan atau larangan Ulil-amri atau pihak yang diberi autoriti seperti larangan untuk mengadakan majlis keramaian termasuk mengadakan solat berjemaah di masjid untuk mencegah penularan wabak COVID-19 (Jabatan Mufti Kerajaan, 2020).

Menurut isryad tersebut, larangan tersebut adalah berdasarkan terdapatnya keuzuran syar'i iaitu takut (الخوف) yang disebutkan dalam hadis di atas mengenai keuzuran untuk meninggalkan solat berjemaah. Ini kerana COVID-19 adalah wabak yang berbahaya, memudaratkan dan boleh mengancam nyawa diri sendiri dan orang lain kerana sifatnya yang mudah merebak dan berjangkit, serta boleh menjejaskan kestabilan ekonomi negara dan mengucar-ngacirkan keamanan dan kesejahteraan negara. Maka semua ini menurut isryad tersebut bolehlah dikatakan sebagai ketakutan yang umum (الخوف العام) yang mengharuskan untuk menggugurkan kewajipan solat fardu berjemaah termasuklah solat Jumaat. Larangan ini pada dasarnya adalah sebagai mengikuti saranan dan nasihat pihak berautoriti dalam mengamalkan penjarakan sosial (social distancing) selama penularan wabak COVID-19 ini, serta larangan untuk mengadakan perkumpulan ramai (Jabatan Mufti Kerajaan, 2020).

Setelah gelombang kedua penularan wabak COVID-19 melanda Negara Brunei Darussalam, Menteri Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam pada sidang medianya bertarikh 18 Oktober 2021, memaklumkan bahawa setelah adanya vaksin yang terbukti dapat mengurangkan risiko jangkitan, maka ketakutan yang menjadi alasan menutup masjid telah pun hilang ataupun semakin menipis. Oleh yang demikian, hukum yang mengharuskan penutupan masjid-masjid, surau dan balai-balai ibadat kini sudah pun berubah kepada keperluan untuk membuka semula masjid-masjid, surau dan balai-balai ibadat. Berdasarkan kepada keterangan dan nasihat Kementerian Kesihatan serta bersandarkan kepada hukum syara', MUIB telah pun bersetuju untuk mempertimbangkan supaya masjid-masjid, surau-surau, dan balai ibadat seluruh negara dibuka semula apabila jumlah vaksinasi lengkap rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam mencapai 70%. Walaubagaimanapun pembukaan masjid-masjid tersebut hanya terhad untuk mendirikan solat fardu lima waktu dan solat fardu Jumaat sahaja. Adapun aktiviti-aktiviti keagamaan yang lainnya yang lazim dijalankan di masjid-masjid hendaklah ditangguhkan terlebih dahulu sehingga ke satu keadaan yang dirasakan lebih selamat (Kementerian Hal Ehwal Ugama, 2021).

Ini membuktikan bahawa hujah atau neraca yang dijadikan sebagai timbang tara dalam penutupan sementara dan pembukaan semula masjid di Negara Brunei Darussalam adalah wujudnya ketakutan (الخوف). Iaitu keuzuran yang mengharuskan untuk meninggalkan solat berjemaah seperti yang di sebutkan dalam hadis sebelum ini.

Selain itu, menurut Isryad Hukum larangan tersebut adalah bersesuaian dengan dua kaedah fiqh. Pertama ialah:

الضَّرُّ يُزَالُ

Ertinya: Kemudaratan itu dihilangkan (Al-Zarqa, 2009)

Kaedah ini adalah berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu 'Abbas Radhiallahu 'anhuma, bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ (رواه ابن ماجه)

Maksudnya: Tidak boleh memudaratkan dan tidak boleh saling memudaratkan (Hadis riwayat Ibn Majah)

Menurut irsyad tersebut, kemudaratkan yang dimaksudkan adalah kemudaratkan yang terhasil daripada penularan wabak COVID-19.

Kaedah yang kedua adalah kaedah:

دَرْءُ الْمَقَاسِدِ أَوْلَىٰ مِنْ جَلْبِ الْمَصَالِحِ

Ertinya: Menolak (menghindari) kerosakan atau kemudaratkan itu lebih utama daripada mendatangi atau menghampiri kemaslahatan (Al-Zarqa, 2009)

Menurut pandangan Irsyad Hukum, larangan buat sementara bagi mengadakan solat berjemaah di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat yang bertujuan untuk mencegah dan membendung penularan wabak COVID-19 itu adalah lebih utama daripada masalah mengadakannya. Ini adalah kerana perkumpulan orang ramai bagi tujuan mendirikan solat berjemaah di masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat itu boleh menyebabkan kemudaratkan yang lebih besar, iaitu penularan dan merebaknya wabak COVID-19.

ANALISA MAQASID SYARIAH DALAM FATWA MUFTI KERAJAAN DAN IRSYAD HUKUM BRUNEI

Isu penutupan masjid-masjid, surau-surau serta balai-balai ibadat di Negara Brunei Darussalam adalah semakin hangat dengan adanya isu yang dibangkitkan oleh salah seorang warga Brunei Darussalam menerusi aplikasi *tiktok*. Dalam rakaman video tersebut telah menyatakan beberapa persoalan dan kemusykilan atas tindakan Kerajaan Negara Brunei Darussalam yang memilih untuk menutup tempat-tempat beribadat ini berbanding dari menutup tempat awam lainnya seperti gedung-gedung perniagaan yang mana lebih ramai jumlah orang memasuki ke tempat-tempat itu.

Perkara ini perlu dinilai dan dilihat dari sudut Maqasid Syariah, iaitu pertama adakah terdapat percanggahan antara kepentingan menjaga agama dan menjaga nyawa dalam penutupan masjid itu sendiri. Kedua adakah terdapat percanggahan dari sudut Maqasid Syariah antara penutupan masjid dan pembukaan tempat-tempat awam lain seperti kedai.

Pertama: Percanggahan antara Menjaga Agama dan Menjaga Nyawa dalam Isu Penutupan Masjid

Irsyad Hukum Negara Brunei Darussalam, menyebutkan:

"....tindakan pihak yang berautoriti membuat larangan mengadakan solat berjemaah di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di negara ini adalah tindakan yang wajar kerana tujuannya adalah untuk menghindari daripada ditimpa kemudaratan kepada diri seseorang, ahli keluarga dan masyarakat amnya. Bahkan ia selari dengan tujuan (maqashid) syara' yang lima iaitu memelihara jiwa/nyawa, memelihara akal, memelihara keturunan dan memelihara harta" (Jabatan Mufti Kerajaan, 2020).

Walaupun ia telah menerangkan bahawa penutupan masjid itu bersesuaian dengan Maqasid Syariah, namun ia tidak menjelaskannya dengan terperinci.

Tidak syak lagi bahawa solat fardu adalah salah satu kewajipan dalam Islam, bahkan ia adalah salah satu rukun Islam yang lima. Maqasid Syariah pula terbahagi kepada tiga: Pertama ialah Maqasid Dharuriyyat (الضروريات), iaitu objektif untuk menjaga kepentingan hidup yang lima: Agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kedua ialah Hajiyyat (الحاجيات) iaitu objektif untuk menjaga keperluan hidup dan ketiga pula Tahsiniyyat (التحسينيات), iaitu objektif untuk menjaga kemewahan hidup (Mahmood Zuhdi; Mek Wok dan Akhtarzaite, 2012).

Menurut Imam al-Syatibi, Maqasid Dharuriyyat (الضروريات) yang lima di atas saling lengkap melengkapi antara satu dengan lain. Jika agama tiada, maka tiadalah pembalasan yang diharapkan. Manakala jika tidak ada nyawa, maka tidak ada sesiapa yang akan menganut agama. Begitu juga jika tiada akal maka hilanglah kewajipan untuk beragama. Bahkan juga jika tidak ada keturunan maka kehidupan manusia tidak akan berkekalan. Seterusnya jika harta tidak ada maka tiadalah kehidupan (Al-Syatibi, 1997).

Tidak dinafikan bahawa azan, solat berjemaah, solat Sunat Hari Raya adalah sebahagian daripada syiar Islam. Imam al-Syatibi menyebutkan bahawa Maqasid Dharuriyyat, Hajiyyat dan Tahsiniyyat saling melengkapi antara satu dengan yang lain. Lanjutan daripada itu, menurut beliau, syiar agama seperti solat fardu dan sunat berjemaah dan solat Jumaat adalah pelengkap (التكميلي) (Al-Syatibi, 1997).

Pendek kata, solat fardu berjemaah menurut perspektif Maqasid Syariah adalah pelengkap (مكمل) kepada solat fardu iaitu salah satu Maqasid Dharuriyyat (الضروريات) dalam menjaga agama. Ini adalah kerana solat berjemaah mengukuhkan lagi solat fardu dari sudut menunaikannya pada awal waktu dan dengan mendapatkan pahala dan ganjaran yang lebih afdal dan sempurna. Oleh itu, mereka yang tidak menjaga solat berjemaah berkemungkinan melalaikan solatnya dan tidak mendapat ganjaran pahala berjemaah. Walau bagaimanapun, solat fardu tidak akan tergendala jika tidak dilakukan secara berjemaah (Zakariyah; Al-Marri dan Ghalia, 2020).

Daripada penerangan di atas, jelaslah bahawa larangan kerajaan untuk mengadakan solat berjemaah dan solat Jumaat di masjid-masjid dan penutupan masjid disebabkan adanya risiko yang lebih tinggi boleh menyebabkan penularan wabak di kalangan jemaah, maka hukum

melarang solat berjemaah di masjid menjadi lebih rajih secara sementara; kerana ia dikira sebagai pelengkap berbanding menjaga nyawa daripada mudarat dan kebinasaan yang dikira sebagai Maqasid Dharuriyyat iaitu menjaga nyawa atau jiwa daripada kebinasaan (Zakariyah; Al-Marri dan Ghalia, 2020).

Oleh yang demikian, penutupan masjid, surau, dan balai ibadat di Negara Brunei Darussalam tidak bercanggah dengan Maqasid Syariah di dalam menjaga agama. Ini adalah kerana menjaga nyawa daripada mudarat dan kebinasaan adalah salah satu objektif atau kepentingan yang utama (Maqasid Dharuriyyat) berbanding solat berjemaah samada fardu atau sunat dan solat Jumaat di masjid. Ini adalah kerana solat berjemaah sebahagian daripada pelengkap (Tahsiniyyat) solat fardu itu sendiri. Jika ia tidak dilakukan ia tidak akan mengancam agama secara menyeluruh. Solat fardu masih boleh dilakukan di rumah samada secara bersendirian atau berjemaah (Jabatan Mufti Kerajaan, 2020).

Kedua: Percanggahan Penutupan Masjid Dengan Pembukaan Tempat-Tempat Awam

Jika dilihat pada Fatwa Mufti Kerajaan bilangan (02/2020) tidak dipersoalkan mengenai isu hukum pembukaan tempat-tempat awam seperti gedung-gedung perniagaan dan lain-lain. (Abdul Aziz, 2020). Akan tetapi fatwa tersebut menyebutkan bahawa mengadakan majlis-majlis keramaian tertakluk kepada arahan dan nasihat pihak yang berautoriti. Sekiranya pihak tersebut mengeluarkan larangan mengadakan sebarang majlis keramaian untuk mencegah penularan wabak, maka arahan tersebut wajib dipatuhi kerana mentaati perintah Ulil Amri. (Abdul Aziz, 2020). Selain itu, Irsyad Hukum juga menegaskan bahawa dalam menangani penularan wabak serta memelihara keselamatan diri dan orang lain, hendaklah sentiasa mematuhi segala arahan dan nasihat daripada pihak yang berkuasa seperti mana yang disebutkan dalam Surah al-Nisaa, ayat 59. Di samping itu, Irsyad Hukum juga menegaskan bahawa setiap larangan dan suruhan daripada pihak kerajaan samada sesuatu arahan atau larangan itu disukai mahupun yang tidak disukai. Ini adalah berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu, bahawasanya Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

عَلَيْكَ السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ فِي عُسْرِكَ وَيُسْرِكَ، وَمَنْشَطِكَ وَمَكْرَهِكَ، وَآثَرَةٍ عَلَيْكَ (رواه مسلم)

Maksudnya: Wajib ke atasmu untuk mendengar (dengan patuh) serta mentaati (ulil-amri), (sama ada engkau) dalam keadaan sukar mahupun senang, keadaan rela menerimanya (perintah itu) ataupun membencinya, dan (juga dalam) hal yang mengalahkan kepentingan dirimu sendiri (Hadis riwayat Muslim)

Imam al-Nawawi menyebutkan bahawa hadis tersebut merupakan galakan bagi orang Islam untuk mendengar dan mentaati ulil-amri dalam semua keadaan, yang dengannya akan menyebabkan perpaduan dan kesepakatan orang-orang Islam, manakala sebarang pertelingkahan dan percanggahan akan menyebabkan kehancuran mereka pada aspek agama dan urusan dunia mereka (al-Nawawi, 1972).

Jika dipersoalkan tindakan kerajaan menutup masjid sedangkan tempat-tempat awam lain seperti kedai dibuka, maka perlu diteliti segala arahan, larangan, peraturan dan prosedur operasi standard (sop) yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Sebagai contoh, ketika bermulanya gelombang kedua penularan COVID-19 pada 7 Ogos 2021, selain penutupan masjid, surau dan balai ibadat, kerajaan Negara Brunei Darussalam juga telah memperketatkan semula langkah-langkah pengawalan dengan serta-merta antaranya (Kementerian Kesihatan, 2021a):

- i. Perkumpulan ramai dihadkan kepada 30 orang sahaja.
- ii. Masjid-masjid, balai-balai ibadat, surau-sarau dan tempat-tempat ibadat yang lain ditutup.
- iii. Sekolah-sekolah, institusi pengajian lain, kelas tuisyen, kelas muzik dan kelas keperluan khas akan memulakan sistem pembelajaran secara online.
- iv. Restoran dan premis-premis makanan yang lain termasuk gerai hanya dibenarkan menjual makanan secara take-away atau delivery sahaja; dine-in tidak dibenarkan.
- v. Gyms, fitness centres, fasiliti sukan indoor dan outdoor, leisure centres, panggung wayang, internet kafe, taman permainan kanak-kanak, sekolah memandu, muzium, perpustakaan, galeri, salon kecantikan dan kedai gunting rambut ditutup.
- vi. Syarikat-syarikat dan pejabat-pejabat untuk melaksanakan business continuity plan masing-masing termasuk mempertimbangkan kaedah work-from-home (WFH); hanya petugas-petugas penting (essential workers) sahaja dibenarkan bertugas di pejabat.
- vii. Premis-premis lain termasuk pasar, tamu, pasaraya, premis perniagaan runcit dan barang keperluan harian dibenarkan beroperasi dengan melaksanakan langkah-langkah penjarakan fizikal.
- viii. Majlis-majlis keramaian hendaklah ditangguhkan.

Selain itu, Kementerian Kesihatan juga menasihatkan orang ramai untuk mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing dengan mengamalkan penjarakan fizikal dan mengelakkan dari pergi ke tempat-tempat awam termasuk pusat membeli-belah tanpa tujuan atau keperluan penting; bertahan di rumah adalah lebih selamat.

Bukan itu sahaja, malah pada 9 Ogos 2021 kerajaan telah memperketatkan lagi langkah-langkah pengawalan apabila terjadinya peningkatan jumlah kes dan kontak yang begitu banyak. Antara langkah-langkah tersebut ialah (Kementerian Kesihatan, 2021b):

- i. Perkumpulan seramai 15 orang untuk pengurusan jenazah (bukan COVID-19).
- ii. Perkumpulan seramai 5 orang untuk majlis akad nikah.
- iii. Bagi orang tua yang tinggal berasingan dari ahli keluarga lain, hanya 2 orang ahli keluarga sahaja dibenarkan untuk melawat orang tua pada satu-satu masa.
- iv. Aktiviti riadah seperti jogging dan hiking adalah dibenarkan secara individu tanpa perlu memakai sungkup muka. Walau bagaimanapun, riadah berkumpulan adalah dibenarkan bagi 2 orang yang tinggal serumah sahaja.

Bahkan bukan tempat-tempat awam sahaja diperketatkan, semua pegawai dan kakitangan, samada kerajaan atau swasta dikehendaki melakukan (WFH). Hanya petugas-petugas yang benar-benar diperlukan sahaja yang dibenarkan keluar ke tempat kerja seperti

petugas barisan hadapan, sektor keperluan harian (makanan, perniagaan runcit), sektor kemudahan dan utiliti (elektrik, air, telekomunikasi), sektor minyak dan gas dan hiliran, sektor pembinaan, sektor agri-makanan dan perhutanan dan sebagainya (Kementerian Kesihatan, 2021b).

Kementerian kesihatan juga menegaskan bahawa keluar rumah tanpa tujuan yang mustahak adalah tidak dibenarkan. Hanya dua orang dari satu keluarga sahaja dibenarkan keluar rumah untuk membeli barang keperluan harian (Kementerian Kesihatan, 2021b).

Antara bukti yang kerajaan Negara Brunei Darussalam sangat serius dalam membendung penularan wabak COVID-19 dengan memastikan semua pihak mematuhi arahan dan larangan yang telah ditetapkan, ialah apabila lapan (8) orang lelaki telah didakwa dan didenda kerana melanggar sekatan dengan mengadakan aktiviti berbasikal secara berkumpulan. Iaitu kesalahan di bawah seksyen 62A (1) Akta Penyakit Berjangkit, Bab 204 dengan melanggar arahan menegah perhimpunan ramai dengan pengecualian tertentu, termasuk untuk aktiviti rekreasi berkumpulan yang hanya terhad kepada dua orang yang tinggal di rumah sama sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengurangkan penularan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (Awangku Zaki, 2021).

Lanjutan daripada itu, oleh sebab kes positif semakin meningkat dan tidak menurun sejak awal gelombang kedua penularan COVID-19 melanda Negara Brunei Darussalam, maka pada 1 Oktober 2021 kerajaan telah melaksanakan strategi tambahan bagi mengurangkan pergerakan serta risiko penularan jangkitan COVID-19. Strategi tersebut ialah orang ramai dilarang untuk keluar daripada tempat tinggal masing-masing pada setiap malam daripada jam 8 malam hingga jam 4 pagi kecuali atas urusan-urusan kecemasan dan mendesak atau menjalankan kerja sebagai petugas kritikal (critical frontline workers) sahaja. Strategi ini dipanggil sebagai "Operasi Pulih" (Jabatan Perdana Menteri, 2021).

Daripada penerangan di atas, jelaslah bahawa sekatan dan kawalan bukan sahaja dilaksanakan ke atas masjid-masjid dengan penutupannya, bahkan juga meliputi tempat-tempat awam yang lain. Semua arahan tersebut diadakan bagi membendung penularan wabak COVID-19 dan melindungi nyawa rakyat daripada kemudaratan dan bahaya. Maka seperti yang disebutkan dalam Fatwa Mufti Kerajaan dan Irsyad Hukum, adalah wajib mematuhi segala arahan pihak yang berautoriti seperti di atas. Jadi, untuk menganggap penutupan masjid bercanggah dengan pembukaan tempat-tempat awam lain adalah tidak relevan.

Dari perspektif Maqasid Syariah pula, menurut Irsyad Hukum segala langkah-langkah pengawalan yang disebutkan di atas adalah bersesuaian dengan kaedah fiqh (Jabatan Mufti Kerajaan, 2020):

تَصَرُّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنْوُوطٌ بِالْمَصْلَحَةِ

Ertinya: Tindakan (keputusan yang dijalankan oleh) imam (ulil-amri) terhadap rakyat (hendaklah) bergantung kepada maslahat (Al-Zarqa, 2009)

Adapun maksud maslahat dalam kaedah tersebut ialah pencegahan dan pembendungan penularan wabak COVID-19 dan supaya angka mangsa jangkitan di tahap minimum.

Kaedah ini berkaitan dengan Maqasid Syariah (Al-Omari, 2021); ini adalah kerana Maqasid Syariah secara umumnya ialah mendatangkan maslahat dan menolak segala keburukan atau kemudharatan. (Al-Yubi, 2012). Dalam erti kata lain, tindakan pihak berautoriti ke atas rakyat hendaklah sesuai dengan maslahat dan menolak segala kemudharatan (Al-Zarqa, 2009).

Jika dilihat dari sudut tindakan kerajaan mengarahkan semua pegawai dan kakitangan kerajaan dan swasta untuk melakukan work-from-home dan hanya petugas-petugas yang benar-benar diperlukan sahaja yang dibenarkan keluar ke tempat kerja, seperti sektor keperluan harian seperti makanan, perniagaan runcit dan sektor agri-makanan dan sebagainya, ini menunjukkan bahawa sektor-sektor ini adalah sektor yang perlu dibuka untuk memenuhi keperluan dan kepentingan seharian orang ramai. Begitu juga kerajaan membenarkan premis-premis lain termasuk pasar, tamu, pasaraya, premis perniagaan runcit dan barang keperluan harian beroperasi dengan melaksanakan langkah-langkah penjarakan fizikal dan hanya dua orang dari satu keluarga sahaja dibenarkan keluar rumah untuk membeli barang keperluan harian.

Keputusan ini selain daripada kaedah fiqh yang disebutkan di atas, ia juga bersesuaian dengan kaedah:

الْحَاجَةُ تَنْزِلُ مَنْزِلَةَ الضَّرُورَةِ، عَامَّةً كَانَتْ أَوْ خَاصَّةً

Ertinya: Keperluan atau hajat diletakkan pada kedudukan darurat, samada umum atau khusus (Al-Zarqa, 2009)

Kaedah ini bermaksud keringanan tidak hanya terbatas untuk perkara yang darurat sahaja, namun ia juga terdapat pada perkara hajiyyat sebagaimana ia dibolehkan pada perkara darurat. (Latif Muda; Rosmawati, 2000). Ini juga berkaitan dengan Maqasid Syariah kerana Islam itu datang untuk menolak atau membendung kesukaran dan kesempitan daripada manusia serta membawa kemudahan kepada mereka dalam semua perkara juga hukum dan syariat (Al-Hariri, 1998).

Seperkara lagi, jika dianggap pembukaan tempat-awam seperti kedai dan sektor keperluan lainnya bertentangan dengan penutupan masjid, maka hendaklah juga dilihat kepada kedudukan objektif yang berkaitan dengan dua perkara tersebut. Sebagaimana yang disebutkan di atas, solat berjemaah dan solat Jumaat adalah pelengkap kepada solat fardu dalam menjaga agama. Walaupun masjid ditutup solat fardu masih boleh dilakukan secara bersendirian mahupun berjemaah di rumah dan agama masih terjaga. Azan juga masih dilaungkan oleh pegawai-pegawai masjid yang bertugas untuk menzahirkan syiar Islam. Manakala pembukaan kedai dan sebagainya yang berkaitan dengan keperluan orang ramai, bolehlah dikatakan sebagai Maqasid Dharuriyat, sebagaimana yang disebutkan oleh Imam al-Syatibi bahawa asal jual beli adalah daruri iaitu sebahagian daripada kepentingan hidup, tanpa harta maka tidaklah ada kehidupan. Yang dimaksudkan dengan harta disini menurut al-Syatibi termasuklah makanan dan minuman (Al-Syatibi, 1997).

Pendek kata, penutupan masjid dan pembukaan tempat-tempat awam lain seperti sektor perniagaan di Negara Brunei Darussalam tidak bercanggah diantara satu dengan yang lain. Bahkan pembukaan tempat-tempat awam tersebut tidak bercanggah dengan Maqasid Syariah.

KESIMPULAN

Dapatlah disimpulkan bahawa penutupan masjid, surau dan balai ibadat dan pembukaan tempat-tempat awam lain di Negara Brunei Darussalam ketika penularan wabak COVID-19 tidak bercanggah dengan Maqasid Syariah. Ini adalah kerana solat berjemaah di masjid yang menjadi syiar Islam adalah pelengkap kepada solat fardu dalam menjaga agama. Agama masih terjaga walaupun tanpa mendirikan solat secara berjemaah di masjid dan ia masih boleh ditunaikan di rumah. Manakala menutup masjid dan melarang solat berjemaah di dalamnya sebagai usaha untuk membendung penularan wabak COVID-19 adalah termasuk dalam kepentingan menjaga dan memelihara nyawa. Oleh itu jelaslah Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Irsyad Hukum Jabatan Mufti Kerajaan dalam hal ini selari dengan Maqasid Syariah. Bagi pembukaan tempat-tempat awam pula, tidak terdapat hukum tertentu mengenainya dari kedua sumber tersebut. Akan tetapi kedua-duanya menyebutkan bahawa wajib mentaati Ulil-Amri yang dalam hal ini adalah pihak berautoriti. Ini adalah kerana segala keputusan dan arahan kerajaan hendaklah membawa manfaat kepada rakyat dan menolak kemudaratan daripada mereka. Ini juga bersesuaian dengan Maqasid Syariah, kerana objektif Syariat Islam itu secara umumnya adalah mendatangkan maslahat dan menolak segala kemudaratan dan keburukan. Maka wajib mentaati segala arahan dan larangan pihak berautoriti dalam usaha membendung penularan wabak COVID-19. Selain itu, perlu diingat, tidak semua tempat-tempat awam di Negara Brunei Darussalam dibuka. Hanya sektor-sektor penting sahaja dibuka terutama yang berkaitan dengan keperluan dan kepentingan seharian orang ramai dengan kawalan dan peraturan yang ketat. Ini juga tidak bercanggah dengan Maqasid Syariah, kerana walaupun dalam keadaan pandemik, harta dan keperluan orang ramai yang termasuk makanan dan minuman mestilah dijaga dan tanpanya tiadalah kehidupan.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Juned. (2020). *Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam Siri Fatwa (02/020) Beberapa Isu Berkenaan Dengan Penularan Wabak COVID-19*. 4-1.2/5Ej(2). Jabatan Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.
- Awangbudiman02. (2021). Solat Jumaat. <https://www.tiktok.com/@awangbudiman02/video/7014926672759672066> [2 Disember 2021].
- Al-Hariri, Ibrahim Muhammad Mahmud. (1998). *Al-Madkhal Ila al-Qawaid al-Fiqhiyyah al-Kulliyyah*. 'Oman: Dar 'Amar.
- Jabatan Mufti Kerajaan. (2020). *COVID-19 Bimbingan Syara' dan Isu-Isu Ibadat*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.
- Jabatan Perdana Menteri. (2021). *Kenyataan Media Yang Berhormat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Dan Menteri Kewangan Dan Ekonomi II Selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Covid-19*. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Perdana Menteri.
- Kementerian Hal Ehwal Ugama. (2020). *Siaran Akhbar Penutupan Sementara Masjid, Surau, Balai Ibadat Seluruh Negara Brunei Darussalam*. KHEU/BPA/PR/MAC/2020. Negara Brunei Darussalam: Kementerian Hal Ehwal Ugama.

- Kementerian Hal Ehwal Ugama. (2021). Siaran Akhbar Pembukaan Semula Masjid-Masjid, Surau Dan Balai Ibadat Seluruh Negara. KHEU/BPA/PR305/Okttober2021. Negara Brunei Darussalam: Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- Kementerian Kesihatan. (2021). Siaran Akhbar Kenyataan Media Situasi Terkini Jangkitan Covid-19 di Negara Brunei Darussalam 27 Zulhijjah 1442 / 07 Ogos 2021 . KK/PR/2. Negara Brunei Darussalam: Kementerian Kesihatan.
- Kementerian Kesihatan. (2021). Siaran Akhbar Kenyataan Media Situasi Terkini Jangkitan Covid-19 di Negara Brunei Darussalam 29 Zulhijjah 1442 / 09 Ogos 2021. KK/PR/2. Negara Brunei Darussalam: Kementerian Kesihatan.
- Latif Muda, Ab, Rosmawati Ali. (2000). *Perbahasan Kaedah-Kaedah Fiqh*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Mek Wok Mahmud, Akhtarzite Abdul Aziz. (2012). *Maqasid al-Shariah*. Malaysia: Penerbit UIAM.
- al-Nawawi, Yahya bin Sharaf. (1972). *Al-Minhaj Sharh Sahih Muslim bin al-Hujaj*. Beirut: Dar Ihya Turath al-Arabi.
- al-Omari, Walid bin Ali. (2021). Athar Qa'idah "Tasarruf al-Imam 'Ala al-Ra'iyyah Manut Bi al-Maslahah" Wa Tatbiqaha Fi al-Jawaih Fayrus Korona (COVID-19) Anmuzajan. *Majallah Kulliyyah Shari'ah Wa al-Qanun Tafahnah Al Ashraf – Daqahliyah* 23(1): 208-261.
- al-Syatibi, Ibrahim bin Musa. (1997). *Al-Muafaqat*. T.t.m: Dar Ibn 'Iffan.
- al-Yubi, Muhammad Sa'ad. (2012). *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah Wa 'Ilaqatuha Bi al-Adillah al-Shari'iyyah*. Al-Mamlakah al-Sa'udiyyah al-Arabiyyah: Dar Ibn al-Jawzi.
- Zakariyah, Habeebullah, Al-Marri, Turki Obaid, Ghalia, Bouhedda. (2020). Ighlaq al-Masajid Man'an Li Intihsar Fayrus Corona Dirasah Tahliliyah Fi Daw' Maqasid al-Shariah. *al-Ihkam: Jurnal Hukum dan Pranata Sosial* 15(2): 326-350.
- Zaki, Awangku. (2021). Lapan Lelaki Didenda Anjur Aktiviti Berbasikal. <https://mediapermata.com.bn/lapan-lelaki-didenda-anjur-aktiviti-berbasikal/> [4 Disember 2021].
- Zarqa, Al- Ahmad. (2009). *Sharh al-Qawaid al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dar al-Qalam.